

**UCAPAN YB BRIG. JEN. KHAIRY JAMALUDDIN
MENTERI BELIA DAN SUKAN MALAYSIA
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN FASA KETIGA
PROGRAM PENANAMAN POKOK: SATU PINGAT, SATU POKOK
8 NOVEMBER 2017 DI BANDAR SUKAN KUALA LUMPUR
(KL SPORTS CITY)**

Assalammualaikum dan Selamat pagi

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia

Tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin yang dihormati

1. Selamat datang dan terima kasih kerana sudi meluangkan masa untuk sekali lagi bersama bagi memeriahkan majlis pada pagi ini. Biar pun temasya Kuala Lumpur 2017 telah pun tamat sejak dua bulan yang lepas, misi kita untuk meneruskan legasi inisiatif hijau masih belum lagi tamat.
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berbahagia, Tun Jeanne Abdullah, pengerusi Landskap Malaysia kerana turut serta bersama kita pada hari ini. Sejajar dengan Inisiatif Hijau KL2017, Jawatankuasa Pengelola Malaysia Kuala Lumpur 2017 (MASOC) telah bekerjasama dengan Landskap Malaysia yang sememangnya mahir dalam perihal pemulihan (restoration) hutan bagi pemuliharaan (preservation) biodiversiti yang sememangnya satu khazanah negara. Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada jaguh-jaguh negara iaitu pemenang pingat emas pada KL2017 tempoh hari yang hadir pada hari ini. Kehadiran anda semua membuktikan komitmen anda yang amat tinggi untuk menjayakan Inisiatif Hijau.

Para hadirin sekalian,

3. Seperti yang diketahui umum, majlis pada pagi ini merupakan kesinambungan kepada program 'Satu Medal, Satu Pokok' atau *One Medal, One Tree* yang telah dilancarkan pada 2 Ogos yang lepas. Sewaktu itu, saya memaklumkan bahawa sebanyak 5,249 anak pokok akan ditanam untuk mewakili jumlah pingat yang dianugerahkan kepada pemenang pelbagai acara KL2017, bertujuan antara lainnya, untuk mengimbangi pelepasan karbon sewaktu temasya sukan ini. Seterusnya, kita telah ke fasa kedua, dimana anak-anak pokok telah dihadiahkan kepada pemenang pingat sewaktu temasya KL2017, satu kelainan yang mendapat sambutan baik dari peminat sukan.
4. Kita kini di fasa ketiga dengan majlis penanaman anak pokok yang bakal berlangsung sebentar lagi. Pada hari ini, jumlah pokok yang ditanam oleh atlet-atlet Malaysia adalah sebanyak 235 pokok. Pokok-pokok ini akan ditanam di sekeliling KL Sports City. yang menjadi lokasi untuk pelbagai pertandingan. Sehubungan itu, tidak salah jika saya nyatakan bahawa pokok-pokok ini bukan sahaja bakal menjadi peringatan kepada kejayaan cemerlang jaguh negara, tetapi juga atas semangat Bangkit Bersama satu negara dalam menyokong KL2017 yang telah berlangsung dengan gemilang.

Hadirin Sekalian,

5. Suka saya memaklumkan bahawa MASOC akan membawa program Satu Medal, Satu Pokok ke fasa yang seterusnya, iaitu fasa keempat apabila sebanyak 5010 batang pokok akan ditanam di 1) Tropical Rainforest Living Collection (TRLC) Banun, Grik, Perak, 2) Kenyir Wildlife Corridor, Terengganu dan di 3) Lojing Highlands, Kelantan pada Januari sehingga Mac 2018. Lokasi-lokasi ini merupakan sebahagian daripada kawasan di bawah Pelan Induk Rangkaian Koridor Ekologi Central Forest Spine (CFS), iaitu satu pelan jangka di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk memelihara, memulihara dan meningkatkan penyambungan koridor ekologi di antara empat kompleks hutan utama yang terpisah di Semenanjung.

6. Menurut perancangan kami, pokok-pokok di bawah program Satu Medal, Satu Pokok akan ditanam di bawah viaduct atau jejambat, iaitu sebahagian jalan raya yang telah dibina di atas tiang untuk membolehkan hidupan liar merentasi kawasan hutan tersebut dengan selamat. Adalah menjadi harapan saya bahawa usaha kita ini akan menyumbang kepada usaha mempertingkatkan lagi kelangsungan hidupan liar di kawasan tersebut dan membantu dalam menyediakan habitat yang bersesuaian untuk mereka.

Hadirin sekalian,

7. Seperti yang diketahui ramai, KL2017 telah memperkenalkan Inisiatif Hijau untuk menghebah, mengajar dan menerapkan nilai-nilai murni mengenai alam sekitar. Antara usaha yang telah ialah KL2017@School, Sukarelawan Hijau, galakan menaiki kenderaan awam, penyediaan perkhidmatan mesra alam seperti penggunaan basikal secara percuma.
8. Satu lagi usaha pada ketika itu ialah perkhidmatan pengkomposan sisa makanan di venue-venue temasya KL2017. Tong-tong kitar semula telah ditempatkan di hampir setiap penjuru sekitar venue-venue KL2017. Suka saya memaklumkan, melalui usaha pengkomposan sisa makanan ini, sebanyak 50 kilogram telah dikumpul yang telah diproses untuk digunakan sebagai baja bagi penanaman pokok hari ini. Hasil ini pastinya tidak akan berlaku tanpa kerjasama dari 885 sukarelawan hijau yang bertugas dalam memastikan orang ramai memasukkan sampah dan sisa makanan mereka ke dalam tong yang betul.
9. Terima kasih kepada para sukarelawan semua. Terima kasih juga kepada Rakan Inisiatif Hijau iaitu Landskap Malaysia dan Rakan Rasmi Hijau KL2017, SCGM Berhad dan Tenaga Nasional Berhad. Tanpa kerjasama anda semua, tidak mungkin dapat kami jayakan program-program yang dijalankan.

10. Sebelum saya mengundurkan diri, ingin saya nyatakan berakhirnya KL2017 tidak bermakna, berakhirnya usaha Inisiatif Hijau ini. Adalah menjadi harapan saya agar legasi yang ditinggalkan ini menjadi *eye opener* kepada orang ramai dan meninggalkan kesan agar generasi muda dapat meneruskan misi ini. Cogan kata 'Go Green' jangan dijadikan sebutan sahaja, we must walk the talk. Teruskan semangat Bangkit Bersama kita demi kepentingan negara dan juga bumi kita di masa hadapan.

Sekian terima kasih.